



كوڤراسي كوسڤيتا مليسيا برحد

KOPERASI KOSPETA MALAYSIA BERHAD

NO 10,TINGKAT 1 JALAN 6/3A, PUSAT BANDAR UTARA,
68100 BATU CAVES, KUALA LUMPUR

"PENCAPAIAN KE 21 DALAM INDEKS 100 KOPERASI TERBAIK 2020"

No Tel : 03-6136 6109
: 03-6136 4336
No Fax : 03-6138 4463
Email : kospeta66@gmail.com
Laman Web : www.kospeta.coop
No WhatsApp : 011-5762 4018

Rujukan Kami : KKMB/6(A) Jld. 1
Tarikh : 23.09.2021

**Semua Anggota,
Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad.**

Assalamualaikum wr. wbt./Salam Sejahtera,

Tuan/Puan,

PEKELILING KOPERASI KOSPETA MALAYSIA BERHAD BIL. 1/2021

1. TUJUAN

1.1. Tujuan pekeling ini dipersetujui dikeluarkan oleh Lembaga selepas mengambil kira kesan langsung dan tidak langsung kepada urusan kewangan dan urusan yang lain semasa pandemik Covid-19. Lembaga telah mengkaji sekatan dan halangan perundangan mendapati bahawa perubahan-perubahan yang dicadangkan untuk diperkenalkan merupakan satu pembaharuan dalam pembiayaan kredit kepada anggota serta penambahbaikan dalam pembiayaan keahlian.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Dasar sedia ada yang dilaksanakan oleh Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad telah tidak lagi membantu untuk meningkatkan pembiayaan kredit, menggalakkan penyertaan anggota, meningkatkan sumber pembiayaan, mengekalkan kadar dividen yang tinggi serta memperolehi sumber dana yang mencukupi.
- 2.2. Perbandingan yang dibuat oleh pihak pengurusan Koperasi dan Lembaga bagi penjaan aktiviti kredit bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 telah menunjukkan *trend* menurun yang sangat membimbangkan. Ianya berkemungkinan disebabkan faktor;
- Pelaksanaan moratorium oleh Bank-bank dan Institusi Kewangan;
 - Kesukaran memperolehi penjamin-penjamin;
 - Kesukaran mendapatkan tandatangan Ketua Jabatan;
 - Kesukaran mendapatkan Laporan Prestasi dan Akaun Peminjam daripada Jabatan Kewangan serta Penilaian SPeKAR;
 - Halangan rentas negeri; dan
 - Dasar baru Bekerja Dari Rumah.

- 2.3. Bagi memperkukuhkan semula aktiviti pembiayaan dan kredit, serta perniagaan-perniagaan lain yang terkesan dengan fenomena wabak Covid-19 maka Lembaga telah menimbang dan membuat keputusan berdasarkan kepada semangat berkoperasi, keperluan Undang-undang Kecil (UUK) dan Aturan-aturan Koperasi yang sedang berkuatkuasa. Bagi membolehkan anggota menikmati faedah lebih maksimum serta dapat meneruskan pembiayaannya melalui perkhidmatan Koperasi.
- 2.4. Aspek integriti dan tadbir urus telahpun diberi penekanan oleh Lembaga termasuk kajian risiko ke atas keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh Lembaga serta tanggungjawab yang mesti dipenuhi oleh anggota melalui proses perundangan yang betul dan berkuatkuasa.
- 2.5. Setelah mengambil kira perkara-perkara yang dinyatakan Lembaga Koperasi telah bersetuju melalui pemberitahuan dalam Pekeliling Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad Bilangan 1/2021 akan kemudahan-kemudahan yang boleh dinikmati oleh anggota dan bakal anggota.
- 2.6. Pelaksanaan-pelaksanaan pembaharuan adalah sebagaimana berikut;

2.6.1. Pembiayaan Tanpa Penjamin

- 2.6.1.1. Mesyuarat Lembaga Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad yang bersidang pada 9.9.2021 telah bersetuju untuk memudahkan pemberian pembiayaan tanpa penjamin kepada peminjam tidak melebihi RM50 ribu kepada anggota Koperasi yang berumur 50 tahun dan kebawah dan berstatus pekerja tetap. Skor penilaian SPeKAR untuk pembiayaan ini hendaklah skor 6 dan ke atas atau skor yang kurang daripada itu hendaklah mendapatkan kelulusan Lembaga.
- 2.6.1.2. Bagi pembiayaan kepada mana-mana anggota daripada syarikat konsesi untuk tujuan yang sama, hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan Lembaga sama ada memerlukan penjamin atau sebaliknya.
- 2.6.1.3. Tempoh pembiayaan ini adalah 10 tahun dan had kelayakan potongan gaji pemohon adalah tidak melebihi 58% daripada gaji hakiki.

2.6.2. Pembiayaan Tanpa Penjamin Bagi Anggota Berumur 50 Tahun Ke Atas

- 2.6.2.1. Bagi anggota yang berumur 50 tahun ke atas boleh meminjam pembiayaan ini dengan prinsip 'one to one'. Di mana Lembaga bersetuju anggota boleh menyimpan syer sehingga RM200 ribu dan yuran tanpa had. Syer ini akan dijadikan cagaran sebagai penjamin.

2.6.3. Pembiayaan Tanpa Penjamin Bagi Anggota Baru

2.6.3.1. Lembaga telah membuat keputusan bagi menggalakkan penyertaan pekerja-pekerja dalam perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyertai Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad dan mengambil kira kesan langsung atau tidak langsung oleh pekerja ke atas implikasi kewangan keluarga dan diri sendiri disebabkan oleh Covid-19, maka pihak Lembaga telah membuat satu keputusan anjal bagi membantu pekerja-pekerja dari segi kewangan mereka dengan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan iaitu;

- i. Tidak melebihi 60 % dari gaji pokok;
- ii. Berjawatan tetap;
- iii. Tidak dikenakan sebarang tindakan tatatertib oleh pihak majikan; dan
- iv. Berkemampuan untuk membayar balik pembiayaan melalui potongan gaji.

2.6.3.2. Bagi pekerja-pekerja Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang baru menyertai keahlian boleh terus membuat pinjaman tanpa penjamin dengan kadar maksimum tidak melebihi RM30,000.00.

2.6.3.3. Bagi memenuhi kelayakan anggota dari segi yuran dan syer, pihak Koperasi bersetuju potongan secara *lump sum* akan dibuat ke atas modal syer sebanyak RM500 minimum dan yuran sebanyak RM180 untuk mewakili kadar RM30 sebulan selama tempoh 6 bulan. Bayaran tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun anggota dan sekaligus menjadi milik anggota.

2.6.4. Tabung Pinjaman Tanpa Penjamin (TPTP) Atau Bayaran Levi

2.6.4.1. Bagi maksud para 2.6.1, 2.6.2 dan 2.6.3 bagi tujuan pembiayaan tanpa penjamin hendaklah membayar satu jumlah levi sebagaimana Jadual A;

Butiran Pembiayaan	Kadar Levi
Kurang daripada RM10,000.00	3 %
RM10,001.00 hingga RM50,000.0	5%

Jadual A

2.6.4.2. Tabung ini akan menjadi pengganti penjamin bagi tujuan membiayai kesan ke atas risiko yang dihadapi anggota disebabkan oleh kematian dan

lumpuh sepenuhnya mengikut Undang-undang Kecil (UUK) dan Aturan-aturan Koperasi

- 2.7. Semua pinjaman yang dibuat secara tanpa penjamin atau berjamin hendaklah melengkapkan secara teratur borang BOND pinjaman serta butiran yang lengkap termasuk salinan kad pengenalan dan pengesahan oleh pihak majikan.
- 2.8. Anggota Koperasi boleh membuat permohonan pembiayaan secara dalam talian (*online*) melalui laman web Koperasi; www.kospeta.coop. Ketua jabatan boleh memberi kelulusan secara emel di talian kospeta66@gmail.com atau *WhatsApp* di talian **+(60)11-57624018** kepada pihak Koperasi.
- 2.9. Pihak Koperasi amat menghargai di atas pembiayaan yang dibuat oleh anggota-anggota Koperasi selama ini. Kerjasama amatlah diharapkan dan pihak koperasi dahului dengan ucapan terima kasih.

“MENABUNGLAH UNTUK HARI TUA”

Yang Berkhidmat,



(DATUK HAJI AZIH BIN MUDA, PJN, DPSM, JMW, PPN, PJK, PLB, PKB, BJCC)
Pengerusi
Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad

DA/na